

HUKUM BAYARAN ANSURAN

Secara umumnya jual beli dapat dilaksanakan dengan pelbagai kaedah. Antaranya adalah jual beli dengan pembayaran secara ansuran.

Islam tidak melarang jual beli secara ansuran dengan syarat ia mematuhi sughah akad jual beli yang telah ditetapkan iaitu tidak disebutkan dua harga yang berlainan dalam satu masa.

Contohnya, seorang peniaga menjual sebuah kereta dengan harga RM50,000.00 secara tunai dan RM70,000.00 secara ansuran selama 7 tahun. Sebelum akad dilakukan, penjual dan pembeli telah membuat perbincangan mengenai harga tersebut dan mereka bersetuju dengan kaedah bayaran secara ansuran. Seterusnya mereka melakukan akad jual beli dengan harga ansuran, maka jual beli tersebut adalah sah.

Jual beli secara ansuran tiada kaitan dengan masalah riba walaupun wujud perbezaan harga. Ini disebabkan semasa akad, perkara tersebut telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ini bermakna tambahan harga dalam jual beli ansuran adalah kerana pemberian barang yang diserahkan lebih awal sebelum harga dibayar sepenuhnya.

Kesimpulannya, jual beli secara ansuran menunjukkan sikap toleransi dalam bermuamalah dan memudahkan urusan sama ada kepada pembeli atau penjual. Namun, tidak diragukan lagi bahawa jual beli secara tunai tetap mempunyai kelebihan daripada jual beli yang dilaksanakan secara bayaran ansuran dan bertanggung daripada segi pengurusan kewangan.